

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]
TARIKH : 7 MAC 2017
SOALAN :

YB Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci status pembinaan tempat meletak kereta bertingkat Hospital Umum Sarawak (HUS) serta projek-projek yang berkaitan, Mengapakah projek lain yang masih belum dimulakan walaupun telah diberikan jaminan sebelum ini. Nyatakan sebab-sebab utama projek ini ditangguhkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pembinaan tempat letak kereta bertingkat di Hospital Umum Sarawak (HUS) akan dibangunkan secara *Public Private Partnership* (PPP) melalui kaedah *Built-Lease-Maintain-Transfer* (BLMT) bersama skop pembinaan Blok Pusat Rawatan Harian, Makmal Patologi, Bank Darah dan Medihotel di dalam kontrak yang sama.

Pada masa ini, semakan kontrak adalah di peringkat akhir oleh Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS), sebelum kontrak dapat ditandatangani di antara Kerajaan dan pihak Syarikat. Pelaksanaan semua komponen di dalam skop projek hanya akan dapat dilaksanakan setelah kontrak ditandatangani.